



04 JUL, 2025

Faktor sikap, insentif galak beralih tenaga boleh baharu

Berita Harian, Malaysia



Faktor sikap, insentif galak beralih tenaga boleh baharu

- Kerajaan menyasarkan untuk mencapai 31 peratus penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik bagi tahun ini, manakala 40 peratus pada 2035 dan 70 peratus menjelang 2050
- Tiada alasan untuk kita tidak menyumbang bagi menjayakan hasrat kerajaan, antaranya beralih kepada mod pemanduan kenderaan elektrik (EV) lebih mesra tenaga atau memasang panel solar di rumah



Wartawan BH

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Penulis hanya mampu menggaru kepala apabila melihat bil elektrik bulan ini kerana ia lebih tinggi berbanding bulan-bulan sebelumnya. Bukan berniat mahu mencari salah syarikat utiliti, sebaliknya peningkatan bil elektrik terkini disebabkan perlu menghidupkan pendingin hawa setiap masa akibat cuaca panas mutakhir ini.

Berdasarkan maklumat Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) sebelum ini, keadaan cuaca panas sehingga melebihi suhu normal, iaitu antara 32 dengan 34 darjah Celsius berlaku berikutan pengaruh musim Monsun Barat Daya diramal berlarutan hingga September.

Tanpa kesedaran yang tinggi, ramai rakyat Malaysia mungkin tidak menyangka kebiasaan mereka menghidupkan pendingin hawa berjam-jam lamanya boleh menyumbang kepada kenaikan suhu bumi.

Menggunakan tenaga elektrik demi keselesaan ada harga perlu dibayar. Tanpa disedari ia menggalakkan aktiviti pembakaran sumber tenaga, antaranya arang batu, minyak dan gas yang berupaya membebaskan gas pemerangkap haba atau lazimnya dipanggil gas rumah kaca.

Jika sekarang pun ramai sudah mengeluh dengan peningkatan suhu ketara, apatah lagi apabila dijangka meningkat 2.7 darjah Celsius lagi menjelang akhir abad ini akibat tindakan berkenaan, mampuakah kita berdepan situasi itu.

Semua pihak harus mengakui tiada ubat segera bagi mencegah fenomena perubahan iklim atau keadaan cuaca panas melampau disumbangkan akibat aktiviti manusia sendiri. Namun, dalam jangka masa panjang, keadaan itu boleh dikawal melalui beberapa tindakan signifikan, termasuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB).

TBB merujuk kepada sumber tenaga tidak habis digunakan dan sentiasa diperbaharui secara semula jadi, antaranya suria, angin, hidro, biojisim dan geotermia. TBB berupaya mengurangkan perubahan iklim dengan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Malah, tenaga solar, angin dan hidro yang tidak menghasilkan pelepasan karbon ketika penjaan mampu membantu memperlahankan kesan pemanasan global, yang menjadi punca utama fenomena cuaca melampau.

Apabila semakin rendah pelepasan karbon, semakin kecil impak kepada suhu global jangka panjang. Sebab itu kerajaan menyasarkan untuk mencapai 31 peratus TBB dalam pembekalan elektrik bagi tahun ini, manakala 40 peratus pada 2035 dan 70 peratus

menjelang 2050.

Peranan itu boleh dimainkan semua rakyat bagi menjayakan hasrat kerajaan menyasarkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sebanyak 40 peratus dalam campuran bahan api negara menjelang 2035.

Sasaran terbahit dinyatakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, pada Mei tahun lalu menyifatkan langkah terbahit dijangka dapat mengurangkan penghasilan gas karbon dioksida sebanyak 10 juta tan setahun.

Kurangkan kebergantungan bahan api fosil

Isa selaras dengan usaha untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan api fosil, sekali gus mengurangkan intensiti karbon sebanyak 45 peratus pada 2030. Semua usaha berkenaan bukan ditetapkan dengan mengambil kira kepentingan domestik sahaja, namun ia seiring dengan pementeraan Perjanjian Paris 2016.

Peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dilihat wajar dimanfaatkan sebaik mungkin dalam meluaskan potensi tenaga boleh diperbaharui

Sebanyak 169 negara dunia, termasuk Malaysia sepakat untuk memastikan had pemanasan global di bawah 2.0 darjah Celsius, sebolehnya pada 1.5 darjah Celsius, berbanding paras suhu pada zaman pra-perindustrian.

Perjanjian Paris menempa sejarah tersendiri, yang mana satu perjanjian terikat dihasilkan bagi membolehkan semua negara mengambil tindakan memerangi perubahan iklim dan memperkenalkan adaptasi sewajarnya.

Selain TBB, kerajaan komited menjuarai peralihan tenaga melalui beberapa program lain, iaitu tarif galakan atau *Feed-in Tariff* (FIT) diperkenalkan pada 2011 dengan memberikan peluang kepada pemilik sistem TBB, antaranya solar PV, biogas, biojisim

atau mini hidro untuk menjual elektrik dihasilkan kepada syarikat utiliti dengan kadar tarif dijamin dan lebih tinggi daripada tarif elektrik biasa.

Program Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) lebih menarik apabila jika ada lebihan tenaga, contohnya pada waktu siang, boleh disalurkan ke grid Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan ditukar kepada kredit, boleh digunakan untuk mengurangkan kadar bil elektrik.

Usaha kerajaan bukan itu sahaja. Wujud kesungguhan apabila Program Solar untuk Kegunaan Sendiri (SelCo) turut dilancarkan, iaitu inisiatif membenarkan pemilik premis memasang sistem panel solar dan menggunakan tenaga dijana sepenuhnya untuk kegunaan sendiri, tanpa menjual atau menyalurkan tenaga ke grid TNB.

Dengan semua inisiatif ini, tiada alasan untuk kita tidak menyumbang bagi menjayakan hasrat kerajaan itu. Antara usaha kecil boleh dilakukan antaranya beralih kepada mod pemanduan kenderaan elektrik (EV) lebih mesra tenaga atau memasang panel solar di rumah.

Dalam memastikan kejayaan peralihan tenaga lebih signifikan, langkah secara 'paksa' tidak boleh dikesampingkan, antaranya menjadikan pemasangan sistem solar sebagai syarat atau pilihan wajib dalam projek perumahan baharu.

Jika faktor kewangan menjadi punca pemilik premis, khususnya di kediaman tidak mampu memasang panel solar, kerajaan boleh memperkenalkan skim solar sewa milik untuk rakyat berpendapatan rendah, selain bekerjasama dengan bank bagi pembiayaan mesra TBB.

Sebelum ini, penulis pernah membuat liputan acara dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mana beliau menggalakkan penggunaan solar tempatan dalam keadaan Amerika Syarikat (AS) mengenakan tarif ke atas China.

"Kita harus sedia dengan mengambil langkah menggunakan solar tempatan di bangunan kita sama ada kerajaan atau swasta, sekolah dan hospital," katanya dalam program itu sebelum ini.

Mengambil idea ini, mungkin kerajaan boleh mewajibkan penggunaan TBB untuk industri dan bangunan awam dengan menetapkan sasaran minimum peraturan penggunaan tenaga itu bagi kilang, pusat beli-belah dan bangunan kerajaan. Tidak kurang juga kerajaan boleh mewajibkan audit tenaga dan pelaporan pelepasan karbon untuk syarikat besar bagi memastikan mereka turut menyumbang ke arah usaha baik ini.

Peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dilihat wajar dimanfaatkan sebaik mungkin dalam meluaskan potensi tenaga boleh diperbaharui. Fadillah beberapa kali dilihat melaungkan suara keperluan ASEAN untuk terus mengukuhkan integrasi fizikal dan institusi dalam menjayakan usaha berkenaan.